

'Kerajaan siap siaga tambah baik tadbir urus Islam'

Putrajaya: Kerajaan Perpaduan beriltizam memastikan tadbir urus berkaitan hal ehwal Islam dilaksanakan dengan sebaiknya seperti dihasratkan Majlis Raja-Raja, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Perpaduan pimpinannya sentiasa bersiap siaga menambah baik hal ehwal Islam di negara ini

supaya ia bersifat lebih inklusif.

Katanya, usaha itu bukan sahaja memberi manfaat kepada umat Islam di Malaysia, malah rahmat kebaikan agama Islam akan turut dirasai masyarakat bukan Islam.

“Patik dan seluruh jentera Kerajaan Perpaduan khususnya agensi Islam menjunjung duli dan beriltizam untuk memasti-

kan tadbir urus hal ehwal Islam dilaksanakan dengan sebaik-baiknya seperti yang dihasratkan oleh Majlis Raja-Raja.

“Patik meyakini dengan perkenan dan restu Duli-Duli Tuan-ku jua, usaha memperkukuhkan institusi pengurusan hal ehwal Islam peringkat Persekutuan dan negeri dapat dilaksanakan secara bersepadu dan berkesan,” ka-

tanya dalam kenyataan di Facebook semalam.

Beliau berkata demikian susulan Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) ke-70 yang berlangsung di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam di sini, semalam.

Mesyuarat itu dipengerusikan

oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, mesyuarat MKI jelas menzahirkan keprihatinan Sultan Selangor terhadap pengurusan hal ehwal Islam di negara ini.

“Sekalung penghargaan kepada ahli MKI dan wakil negeri yang hadir dan turut serta dalam mesyuarat ini,” katanya.